

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Skim Program Pembiayaan Dana Pensijilan Halal Negeri Pahang (PUSHPA)

Tarikh: _____
[Diisi oleh Pegawai Jualan]

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini bersama dengan terma dan syarat umum sebelum anda membuat keputusan untuk memohon atau menerima tawaran bagi Skim Program Pembiayaan Dana Pensijilan Halal Negeri Pahang (PUSHPA).

Sila dapatkan penjelasan daripada Pegawai Jualan jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma dan syarat umum.

1. Apakah skim ini?

PUSHPA merupakan satu skim program pembiayaan yang menawarkan kemudahan Pembiayaan Berjangka-/ kepada usahawan Mikro dan Kecil yang layak untuk di bawah naungan agenda dan Jabatan Kerajaan di Negeri Pahang untuk mendapatkan persijilan Halal.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Tawarruq

Produk ini mengguna pakai konsep *Tawarruq* yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urus niaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai. Melalui pembiayaan ini, pihak Bank akan membeli komoditi (minyak sawit mentah, plastik resin atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh pembekal komoditi) daripada pembekal komoditi dengan harga kos (berdasarkan kepada jumlah pembiayaan). Kemudiannya, pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada Pelanggan secara Murabahah iaitu harga kos ditambah keuntungan dengan bayaran tangguh. Seterusnya, pihak Pelanggan melantik Bank sebagai wakil (*Wakalah*) untuk menjual komoditi tersebut pada harga kos secara tunai kepada pihak ketiga. Hasil jualan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan sebagai amaun pembiayaan yang dikehendaki oleh Pelanggan. Komoditi yang diguna pakai bagi tujuan transaksi *Tawarruq* tertakluk kepada komoditi broker.

Wakalah

Di bawah Kemudahan ini, Bank juga akan menggunakan mekanisme dwi-agensi di bawah konsep *Wakalah*. Pelanggan melantik Bank sebagai ejen pelanggan untuk menerima pembelian komoditi daripada Bank dan seterusnya menjual komoditi tersebut kepada Pembekal Komoditi lain bagi pihak pelanggan untuk melengkapkan transaksi *Tawarruq*.

"Komoditi" dalam konteks transaksi *Tawarruq* adalah merujuk kepada apa-apa jenis komoditi patuh *Syariah* yang diterima pakai oleh Bank seperti minyak sawit mentah, plastik resin, kredit prabayar atau apa-apa komoditi yang dinasihatkan oleh Pembekal Komoditi yang diniagakan di mana-mana Platform Dagangan Komoditi yang diluluskan oleh Bank.

3. Apakah syarat-syarat kelayakan bagi Program ini?

Merupakan Usahawan Mikro dan Kecil di bawah naungan Agensi atau Jabatan Negeri Pahang yang menepati ciri-ciri berikut:

- Warganegara Malaysia yang bermastautin di Negeri Pahang.
- Bagi perniagaan milikan tunggal, pemilik berusia antara 18 tahun (semasa permohonan) dan sehinggalah 65 tahun (semasa tamat tempoh pembiayaan)
- Bagi perkongsian:
 - i. Salah seorang pemilik/rakan kongsi mestilah berumur antara 18 tahun (semasa permohonan) sehingga 65 tahun (semasa tamat tempoh pembiayaan)
 - ii. Semua rakan kongsi merupakan pelanggan bersama untuk pembiayaan

iii. *Keyperson* dalam perkongsian mestilah rakyat dari Negeri Pahang

- Perniagaan atau syarikat hendaklah didaftar atau diperbadankan di bawah akta syarikat 2016 (atau mana-mana pindaan yang berkaitan dengannya)
- Perniagaan atau syarikat (yang dicadangkan untuk dibiayai) telah beroperasi sekurang-kurangnya tempoh 6 bulan dan disahkan oleh Jawatankuasa*
- Premis perniagaan yang dicadangkan untuk dibiayai mestilah beroperasi di Negeri Pahang
- Premis perniagaan yang dicadangkan untuk dibiayai hendaklah mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Program Pensijilan Halal Negeri Pahang bagi memastikan perniagaan dan premis tersebut berupaya mematuhi Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (yang dikeluarkan oleh JAKIM) dan/atau mana-mana peraturan lain yang berkaitan.
- Usahawan hendaklah di bawah pengawasan Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan veterinar dan agensi Kerajaan Negeri Pahang yang lain.

Nota: * Merujuk kepada Jawatankuasa yang disahkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

4. Apakah yang saya perolehi daripada skim pembiayaan ini?

Jenis Produk Pembiayaan	Pembiayaan Berjangka- i,
Jumlah Kemudahan	Jumlah had pembiayaan adalah sehingga RM350,000 berdasarkan struktur yang berikut: Operasi: - Sehingga RM100,000: Menaik taraf premis atau pembinaan premis untuk memenuhi piawaian Pensijilan Halal; - Sehingga RM200,000: Pembelian aset tetap perniagaan seperti mesin pemprosesan/pembungkusan yang memenuhi syarat Pensijilan Halal; - Sehingga RM25,000: Pembiayaan kos pembungkusan dan cetakan, kos Analisa kawalan kualiti (nutrisi, kajian jangka hayat dan sensori), rekabentuk pembungkusan termasuk bayaran khidmat perundingan pembungkusan, kos acuan cetakan dan bahan pembungkusan; Pensijilan Halal - Sehingga RM25,000: Permohonan Pensijilan Halal yang terdiri daripada: • Bayaran Sijil Halal selama dua (2) tahun • Kadar caj perkhidmatan yang ditetapkan dan mengikut kategori perniagaan dan aktiviti seperti yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia
Tempoh Kemudahan	• Tempoh pembiayaan berjangka-i adalah sehingga enam puluh (60) bulan termasuk sehingga enam (6) bulan tempoh penangguhan. • Tempoh penangguhan pembayaran prinsipal tidak melebihi enam (6) bulan
Kadar Keuntungan Efektif	Kadar Keuntungan Efektif: 4% setahun dikira atas baki bulanan.
Kadar Keuntungan Siling (KKS)	Kadar Asas Berian Pembiayaan (KABP) + 4%* setahun atau 10%*, mana-mana yang lebih tinggi untuk pengiraan harga jualan.

Berapakan margin pembiayaan?

Sehingga 100% termasuk sumbangan kredit takaful, duti setem dan kos suratcara

* Tertakluk pada terma dan syarat

5. Apakah tanggungjawab saya?

- Membuat bayaran berdasarkan kadar keuntungan yang ditetapkan iaitu 4% dan tidak melebihi harga jualan.
- Melaksanakan akad untuk transaksi *Tawarruq*.

6. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Bayaran Duti Setem	Sepertimana yang terkandung dalam Akta Setem 1949
Caj Guaman & Pengeluaran	Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi Kemudahan, pendaftaran gadaian, carian tanah, carian kebangkrutan/mufli, carian penutupan syarikat dan caj-caj lain yang berkaitan (jika berkenaan)
Sumbangan Takaful	Berdasarkan jumlah perlindungan yang diambil untuk Kemudahan
Fi Pembrokeran	RM7.00 bagi setiap RM1,000,000.00 jumlah pembelian komoditi.

Nota:

- Apa-apa perubahan pada fi dan caj yang berkaitan akan di buat secara bertulis oleh Bank.
- Fi dan caj adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (jika ada) atau apa-apa jenis cukai lain seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

7. Bagaimanakah sekiranya saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Bank berhak mengenakan dan menuntut ganti rugi (*Ta'widh*) daripada pelanggan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh pihak Bank akibat pelanggan lewat/gagal membayar bayaran ansuran atau apa-apa jumlah bayaran tertunggak yang perlu dibayar kepada pihak Bank. Jumlah ganti rugi (*Ta'widh*) tidak boleh dikompaun dan dikira dari tarikh bayaran sepatutnya dibayar sehingga pembayaran sepenuhnya berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sepertimana berikut: -

i. Sebelum Tarikh Matang

Ta'widh akan dikenakan ke atas ansuran tertunggak pada kadar sehingga satu peratus (1%) setahun yang akan dikira setiap hari.

$$Ta'widh = \text{Ansuran Tertunggak} \times 1\% \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

ii. Selepas Tarikh Matang

Ta'widh akan dikenakan ke atas baki tertunggak pada kadar *Islamic Interbank Money Market* (IIMM) yang berlaku sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh BNM

$$Ta'widh = \text{Baki Tertunggak} \times \text{Kadar Semasa IIMM} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

Nota :

IIMM - Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

- Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya pelanggan gagal untuk mematuhi notis peringatan yang diberikan oleh pihak Bank.

- Bank berhak untuk membuat semakan atau menamatkan Kemudahan yang diberikan kepada pelanggan dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada pelanggan apabila berlaku sebarang kejadian kemungkiran sepertimana dipersetujui dalam terma dan syarat Kemudahan.

8. Bagaimanakah sekiranya saya membuat penyelesaian awal?

Rebat (*Ibra'*) akan diberikan kepada pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu senario (tetapi tidak terhad kepada) berikut:

- i. Penyelesaian awal atau penebusan awal atau pembayaran awal;
 - ii. Penyelesaian Kemudahan disebabkan pelaksanaan penstrukturan;
 - iii. Penyelesaian awal oleh pelanggan bagi kes kemungkiran di mana walaupun pelanggan mungkir, pelanggan membuat penyelesaian penuh bagi keterhutangan Kemudahan sebelum tarikh matang;
 - iv. Penyelesaian oleh Pelanggan bagi kes penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh matang.
- Rebat (*Ibra'*) akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$Ibra' = \text{Keuntungan Tertunda} - \text{Caj Penyelesaian Awal}$$

$$\text{Nilai Penyelesaian} = \text{Baki Harga Jualan} + \text{Ansuran Tertangguh} + \text{Caj Bayaran Lewat (jika ada)} - Ibra'$$

9. Adakah saya perlu mengambil perlindungan Takaful?

- Pelanggan digalakkan untuk mengambil Skim Takaful Kredit bagi melindungi jumlah keterhutangan di bawah skim kemudahan pembiayaan yang diberikan. Pembayaran boleh dibuat melalui potongan daripada jumlah skim pembiayaan tersebut.
- Pelan perlindungan Takaful diperlukan melindungi baki Kemudahan semasa anda sepanjang tempoh Kemudahan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini. Bagi menjaga kepentingan Bank dan Pelanggan pelantikan panel Takaful adalah amat digalakkan. Walau bagaimanapun, Pelanggan adalah dibenarkan untuk memilih penyedia Takaful bukan panel tertakluk kepada kelulusan Bank.

10. Apakah risiko utamanya?

Sekiranya pelanggan gagal menjelaskan jumlah skim pembiayaan tertunggak, Bank mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas pelanggan dan/atau penjamin.

11. Adakah saya memerlukan jaminan atau cagaran?

Tiada cagaran yang perlu dikemukakan kepada Bank.

12. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat : Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, 50726 Kuala Lumpur
No. Tel. : 1-300-88-2476
Faks : 603-2691-7790
Emel : customer@agrobank.com.my

13. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

Jika anda mempunyai sebarang masalah untuk menjelaskan pembayaran anda, hubungi Bank terlebih dahulu untuk alternatif pembayaran. Sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat : Bangunan Agrobank,
Leboh Pasar Besar,
50726 Kuala Lumpur
No. Tel. : 1-300-88-2476
Faks : 603-2691-7790
Emel : customer@agrobank.com.my

Jika anda ingin mendapatkan butiran lanjut atau membuat aduan mengenai produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh kami, sila kunjungi cawangan Bank berdekatan atau hubungi Bank di:

Alamat : Agrobank, Client Relationship
Management, Leboh Pasar Besar,
50726 Kuala Lumpur
No. Tel. : 1-300-88-2476
Faks : 603-2691-7790
Emel : customer@agrobank.com.my

Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma bagi individu. Anda juga digalakkan untuk menghadiri "Program Pengurusan Wang Ringgit Anda" atau "POWER!" yang dianjurkan oleh AKPK. Sila hubungi AKPK di:

Alamat : Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra-Commerce,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2616-7766
Emel : enquiry@akpk.org.my

Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Alamat : Block D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur
No.Tel. : 1-300-88-5465
Faks : 603-2174-1515
Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my

Maklumat Tambahan

- Maklumat Maklumat yang disediakan untuk Lembaran Maklumat Skim Pembiayaan ini adalah sah bermula dari : _____ .
- Pelanggan dinasihati untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon Kemudahan ini.

Penafian

- Segala terma dan syarat dalam Lembaran Maklumat Skim Pembiayaan ini adalah tentatif/petunjuk sahaja dan tidak mengikat pihak Bank. Terma dan syarat terakhir adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan/atau Perjanjian Prinsipal ('Perjanjian Kemudahan') Kemudahan selepas penilaian kredit dan kelulusan Kemudahan dilaksanakan.
- Sila ambil maklum bahawa semua maklumat yang dizahirkan di bawah dokumen ini perlu diproses mengikut undang-undang yang berkaitan, termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi PDPA 2010 (PDPA). Sila rujuk Polisi PDPA kami yang boleh didapati di laman sesawang www.agrobank.com.my atau anda boleh mengunjungi cawangan terdekat kami sekiranya terdapat sebarang pertanyaan.

**"TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA GAGAL UNTUK
MEMBUAT PEMBAYARAN PEMBIAYAAN BAGI KEMUDAHAN PUSHPA."**

Deklarasi Pelanggan

Saya / Kami dengan ini menerima dan memahami kandungan Lembaran Maklumat Produk sepertimana penerangan yang telah diberikan kepada saya / kami.

.....
Nama :

NRIC :

Tarikh :